

((Ali)) ketika ia kembali dari masjid sesudah ia mendengar ucapan Rasulullah – bapa mertuanya, lalu ia menuju ke rumahnya dengan berjalan lemah, hatinya susah, dan fikirannya melayang-layang mengenangkan apa yang telah berlaku itu?

Bagaimana ia tergamak menyia-nyiakan jihadnya yang berlanjutan lagi gagah itu dalam membela dan menegakkan agama Islam? Bahkan bagaimana ia tergamak hendak mengganggu ketenteraman hati isteri yang dikasihi, dan hendak merosakkan hatinya dengan perkahwinan yang seperti itu, yaitu suatu perkara yang tak dapat ditakwilkan (diberi pengertian lain) selain daripada suka kepada kelazatan kebendaan yang tidak didapati padanya?

Perkahwinan Rasulullah dengan tiap-tiap seorang isterinya, sebenarnya ada sebab-sebabnya yang tertentu, dan keadaan-keadaan yang memaksa. Jika tidak, mengapa Baginda telah berpada dengan isterinya Siti Khadijah selama dua puluh lima tahun, Baginda tidak memadukannya sehingga ia (Siti Khadijah) wafat. Sedang Baginda pada masa itu telah berusia lima puluh tahun.

Oleh itu biarlah anak perempuan Abu Jahal itu berkahwin dengan orang lain. Adapun Saiyidina Ali, maka bukanlah dia orangnya yang akan merosakkan jihadnya yang gagah itu dengan berbapa mertuakan Abu Jahal sebagai ganti bapa mertuanya: Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, dan bukanlah dia orangnya yang akan menyakiti hati Nabinya, yang juga menjadi bapa angkat dan sepupunya, dalam perkara sekasih-kasih anak perempuan kepada Baginda. Tidak juga Abu

al-‘As (birasnya), sebelum Islamnya, akan menjadi orang yang lebih baik daripadanya dalam melayan anak perempuan Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib, dan lebih hormat dalam persemendaannya dengan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam!*

* * *

Akhirnya sampailah Saiyidina Ali ke rumahnya, lalu didapatinya Siti Fatimah al-Zahra’ tinggal keseorangan dengan berduka cita dan bersusah hati. Iapun datang menghampirinya

Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah kalam Jurji Zaydan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyhur – Tariq bin Ziyad, menggempur tentera Sepanyol dan menghancurkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa delapan kurun.

2 penggal tamat. Sepenggal \$1.20

(Naskhah Rumi: sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.



lalu duduk di sisinya dengan membisu, tidak tahu apa

yang hendak diperkatakan.

Tatkala dilihatnya Siti Fatimah menangis, maka Saiyidina

Ali pun berbisik ke telinganya meminta maaf ujarnya:

“Sifatkanlah aku telah bersalah kepadamu wahai

Fatimah, orang yang seperti mu ialah orang yang bersifat

pemaaf dan pengampun”

Lama juga Siti Fatimah mendiamkan diri, dan

manakala hari telah larut malam, baharulah ia menjawab:

“Diamponi Allah kesalahan kekanda itu.”

Saiyidina Ali pun segera mencium hujung jari

tangan Siti Fatimah, lalu menceritakan kepadanya akan

ucapan Rasulullah di masjid pada siang tadi, dan

menceritakan akan perasaannya ketika ia mendengar bapa

mertuanya menyatakan dengan berterus terang akan rasa bencinya

dan marahnya terhadap perkara yang menyakitkan hati anak

perempuannya Fatimah, dan bagaimana bapa mertuanya telah

membanggang keras kalau anak perempuannya yang dikasihi itu

dimadukan dengan anak perempuan Abu Jahal, sehingga

Baginda bersumpah bahawa anak perempuannya dan anak

perempuan seteru Allah (Abu Jahal), tidak akan dapat

disatukan oleh sebuah rumahtangga selama-lamanya!

Bergenang air mata Siti Fatimah mendengar cerita itu,

lebih-lebih lagi kerana kasihnya kepada ayahandanya yang mulia, dan

kerana terharu mengenangkan sikap ayahandanya itu

membelanya. Siti Fatimah pun bangun hendak mengerjakan

sembahyang.

Tinggal satu pertanyaan yang penting:

Bilakah Saiyidina Ali berazam hendak memadukan Siti

Fatimah al-Zahra’ binti Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*?

Ahli-ahli sejarah dan periwayat-periwayat hadith telah mendiamkan

diri. Mereka tidak menyebut tentang bilakah masanya pinangan

itu dilakukan, pada hal perkara itu sangat penting.

Tetapi – walau bagaimanapun – bolehlah kita katakan

dengan tidak menaruh bimbang, bahawa kejadian itu berlaku

pada peringkat masa yang pertama setelah mereka (Ali dan

Fatimah) berkahwin. Meskipun apa yang kita katakan

ini tidak disokong oleh sebarang dalil naqli (keterangan-keterangan

yang bertulis), tetapi kita dipengaruhi oleh faham kita

terhadap kedudukan perkara itu, dan hitungan kita

bahawa itulah yang sehampir-hampirnya mungkin berlaku, ketika

Siti Fatimah dan Saiyidina Ali masih baharu memasuki

permulaan kehidupan rumahtangga. Masa itu Siti

Fatimah belum biasa lagi dengan sikap Saiyidina Ali yang

keras dan tegas itu, dan Saiyidina Ali pula tidak

dapat menahan hati melihatkan isterinya Siti Fatimah yang

sentiasa bersugul dan berduka cita atas kematian

ibunya – Siti Khadijah – yang dikasihi, dan juga

kerana meninggalkan rumahtangganya yang pertama – rumah

ayahandanya yang dikasihi.

Dengan itu bolehlah ditetapkan, bahawa kejadian itu

berlaku pada kira-kira tahun yang kedua Hijriyyah, sebelum

mereka mendapat cahaya mata pada tahun yang ketiga

Hijriyyah, – hasil perkahwinan yang berkat itu.

Bersambung.

Kenangan dan Harapan

Suburnya pokok tertanam di hati persada,
Merendang mencetus ke air dalam usianya,
Buahnya yang pertama, yang kedua tidak hampa,
Sejuklah seisi hati insan yang menerimanya.

Kini bertambah melebar sayapnya merendang,
Madunya bertambah mengalir sampai keperbatasan,
Burung-burung tak sampai lagi kicauan,
Wama-wama¹ dengan nadanya menghisap madu, terbang.

Kumbang dan melati dilahirkan setempat,
Mencari madu, berkorban madu diharap,
Terubatlah kelak sakit yang sekian abad,
Sembuhlah demam umat makrifat,

Kini kumbang dan melati mula bertengkar,
Layulah bunga impian dalam kenangan rakyat,
Aduh! Sakit dan demam kembali melarat,
Ah! Mengapa tidak diselesaikan secara sahabat?

Andainya berpanjangan dahan yang serkah,
Lenyaplah cendawan yang mula bercambah,
Bisiklah dia wahai ((D)) dan ((T)),
Agar sembuh gurisan di hati.

Merpati sesangkar berlaga membawa mati,
Melati setaman layu dek tergeser sama melati,
Persatuan pecah kerana krisis ahli,
Inilah rahsia umat Islam menjadi abdi.

Kota Baharu

- Rushdi Munir

16 – 11 – 1961

¹ Perkataan sebenar ialah rama-rama

Medan Bahasa

Sambungan dari muka 12

“Hal yang tersebut sesuai pula dengan keahliannya dalam ‘Undang-undang Islam’, bukan itu sahaja, bahkan ia telah mendapat ijazah pula di dalam kehakiman Sharak, di al-Azhar University.”

(3) “Mulai wajibnya zakat fitrah apabila matahari (membenam) pada malam hari raya bulan Ramadhan kerana hadis ada menegaskan demikian.”

Tiada boleh dipakaikan penambah ((mem)) pada perkataan ((benam)) itu, oleh sebab jikalau dipakai, jadilah ia perbuatan melampau, dan jika perbuatan melampau, kenalah ada penyambutnya – membenamkan apa? Tetapi di dalam ayat itu tiada penyambutnya. Dari itu hendaklah ditukarkan ((membenam)) kepada ((terbenam)).

(4) “((Dalam)) Hikayat Pelayaran Abdullah ada ((menyebutkan)) kisah burung Tempua”

- (Buku ‘Cahaya Baru’ iii)

Yang salah di dalam ayat ini ialah bangun perbuatannya, iaitu ((menyebutkan)). Jikalau hendak disertakan juga perkataan ((dalam)) pada pangkal ayat itu maka kenalah

diubahkan ((menyebutkan)) itu kepada ((tersebut)) atau

((disebut)). Jika mahu memakai perkataan ((menyebutkan))

juga, buanglah sahaja perkataan ((dalam)) itu jadi

“Hikayat Pelayaran Abdullah ada menyebutkan kisah burung Tempua”

(5) “((Dengan)) mengeluarkan zakat ini ((boleh menegakkan)) perpaduan dan ((merapatkan)) persaudaraan di antara kaum Muslimin di dunia.”

Tulislah:

“Mengeluarkan zakat ini boleh menegakkan perpaduan dan merapatkan”

Ataupun jika hendak digunakan juga perkataan

((dengan)) pada pangkal ayat itu, tulislah:

“Dengan mengeluarkan zakat ini boleh ditegakkan perpaduan dan (boleh) dirapatkan”

Akan tetapi yang lebih elok dan licin bunyinya ialah yang pertama tadi.

(6) “Dalam riwayat tadi ((mengandung)) beberapa hikmah dan pelajaran.”

Katakanlah: “Dalam riwayat tadi terkandung beberapa hikmah dan pelajaran.”

(7) “((Pada)) hari raya ini seolah-olah ((merupakan)) hari budaya, hari keluhuran hati dan jiwa yang dibaluti dengan perasaan kasih mesra yang jarang sekali timbul pada hari-hari lainnya.”

- (Kertas Soalan Sijil Persekolahan Seberang

Laut Cambridge 1960)

Yang amat ketara cacatnya di dalam ayat ini ialah dengan sebab adanya perkataan ((pada)) pada pangkalnya. “Pada hari raya ini” “tidak boleh merupakan”

SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU

PUISI II

Harga \$6.00

Pesan kepada: -

QALAM,

356 & 358, Geylang Road,

Singapore 14.

tetapi “hari raya ini” boleh “merupakan”

Samalah halnya dengan:

(A) Pada dinding itu tergantung sebuah jam – yang dimaksudkan ialah ((di dinding)).

(B) Dinding itu dinding kayu – yang dimaksudkan ialah zat dinding.

Maka tidaklah dikatakan

“Pada dinding itu dinding kayu” kerana yang demikian itu salah.

Jadi, di dalam ayat, “Pada hari raya ini”

Buanglah perkataan ((pada)) yang di pangkal ayat itu.

(8) “Sebaliknya ((dari)) akal yang lemah senantiasa terancam itu akan ((menerbitkan)) sifat-sifat buruk dan perangai-perangai yang membawa bahaya kepada diri sendiri dan juga kepada orang lain.”

Jikalau hendak dikekalkan perkataan ((dari)) di dalam ayat itu, tukarkanlah ((menerbitkan)) itu kepada ((terbit)) sahaja, dan jikalau hendak dikekalkan juga perkataan ((menerbitkan)) itu buanglah ((dari)).

(9) Dan serulah akan sekalian manusia ((dengan mengerjakan)) haji, nanti mereka akan datang dengan sebab seruan engkau itu”

- (terjemahan ayat al-Qur’an)

Tulislah demikian: “Dan serulah akan sekalian manusia pada mengerjakan haji”

(10) Tidaklah suatu ((keterlaluan)) kalau kami katakan bahawa buku ini sukar ditanding dengan buku-buku ilmu Tauhid yang telah lahir ke alam persuratan Melayu”

Barangkali penulis ayat itu hendak menggantikan perkataan Inggeris *exaggeration* lalu diterjemahkannya

jadi ((keterlaluan)). Tetapi canggung bunyinya.

Katakanlah lebih kurang begini:

“Tidaklah menjadi melampau-lampau sangat kalau kami katakan”

(11) “Selamat ((keberangkatan)) Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung.”

Perkataan ((berangkat)) tidak boleh dijadikan nama dengan jalan membubuh penambah ((ke)) dan ((an)) selagi ((ber)) ada. Tetapi di dalam ayat yang di atas bukan perkataan yang dikehendaki tetapi ialah perbuatan jua. Misalnya di dalam ayat ((Selamat datang, tuan)) tidak kita katakan ((Selamat kedatangan, tuan)), ataupun di dalam ayat ((Selamat berlayar, tuan)), tidak dikatakan ((Selamat keberlayaran, tuan)). Yang demikian itu nyatalah salah. Oleh sebab itu ubahkan ayat tadi jadi begini:

“Selamat berangkat, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung”.

(12) ((Keberangkatan)) Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan Permaisuri Agung ke India dan Pakistan . . .

Di dalam ayat ini ((keberangkatan)) itu dijadikan perkataan nama. Tetapi sebagaimana yang disebutkan tadi¹ tiada boleh dijadikan nama selagi ada penambah ((ber)).² Gantilah ((keberangkatan)) itu dengan ((perangkatan)) sahaja. Perkataan ((perangkatan)) ini bukan baharu diberikan tetapi sudah sedia dipakai sebelum perang dahulu lagi, misalnya:

“Tawarikh perangkatan Raja-Raja Melayu kali yang pertama ke negeri Siam.”

(13) “Allah telah adakan bagi kita satu xxx³ yang akan dinyatakan dan disebut xxx xx xxx⁴

¹ Teks asal kurang jelas. Mungkin ‘tadi’ berdasarkan kesesuaian konteks ayat.

² Teks asal kurang jelas. Agakan dibuat berdasarkan teks sebelum dan kesesuaian konteks ayat.

³ Teks asal kurang jelas.

⁴ Teks asal kurang jelas

perjalanan itulah yang akan menjadi pokok segala

((keberuntungan)).”

Gantilah ((keberuntungan)) itu dengan ((keuntungan)).

(14) “Pagi ini mereka mogok menuntut

empat orang guru, termasuk guru besar supaya

((diberhentikan)).”

Penambah ((ber)) tiada boleh disaingi dengan penambah ((di))

di dalam ((bangun kena buat)). Tulislah:

“Pagi ini mereka mogok kerana menuntut empat

orang guru, termasuk guru besar, supaya

diperhentikan.”

Atau:

“ supaya dihentikan.”

Perkataan ((perhentikan)) ada didapati di dalam hikayat-hikayat

Melayu lama.⁵ ((Per)) bolehlah disaingi dengan ((di)).

((15)) “Seorang mukmin dengan seorang mukmin

laksana batu, yang satu ((menguatkan akan)) yang lain.”

Buangkanlah perkataan ((akan)) itu kerana ((kan))

pada ((menguatkan)) itu asalnya daripada ((akan)) juga.

Jika dipakai juga tentulah berulang-ulang, dan tiadalah

licin bunyi ayat itu.

(16) “((Mereka-mereka)) yang berkenaan hendaklah hadir

di dalam majlis itu.”

Perkataan ((mereka)) itu sudah menunjukkan ramai

((*al-Jama'*)). Buangkanlah angka ((2)) itu.

(17) “Abdul Kadir ((telah selalu)) menjadi

utusan Raja-raja Melayu di Lingga, Riau, Pahang, Terengganu,

Kelantan, Palembang dan Jawa, sehingga ia diangkat

menjadi Syahbandar kota Melaka.

Perkataan ((telah)) itu tiada dikehendaki kerana

canggung bunyinya di dalam ayat yang seperti itu. Lagi

pun maksud masa telah lalu di dalam ayat itu memada

difahami dengan karenah ayat sahaja, iaitu di dalam misal

ini ditunjukkan oleh perkataan ((sehingga)), kerana

sebelum ada ((sehingga)) tentulah ada kejadian yang terdahulu

daripadanya.

“Ia ((telah)) tidak hadir di pejabatnya petang kelmarin.”

Buanglah ((telah)) itu.

(18) “Mana-mana surat yang tiada disertakan alamat

dan tanda tangan ((akan tidak)) dilayani.”

((Akan tidak)) itu sumbang bunyinya. Jikalau di dalam

ayat ((iya)) tentulah dikatakan ((. dan tanda

tangan akan dilayani)). Tetapi di dalam ayat ((tidak))

hendaklah dimasukkan perkataan ((tidak)) itu selepas

perkataan ((tangan)), yakni sebelum perkataan ((akan)).

Jadilah “..... tidak akan dilayani.”

(19) “Daripada Allah kita datang, kepada Allah kita

((berpulang)).”

Penambah ((ber)) itu tiada dikehendaki. Katakanlah

((kepada Allah kita pulang)).

Demikian pula sangat besar lagi salahnya jikalau

dikatakan:

“Daripada Allah kita berdatang, kepada Allah kita berpulang”.

Buanglah ((ber)) pada kedua-duanya.

(20) “Nyatalah di sini bahawa bakatnya yang akan

dipunyai oleh Abdullah ((sudah)) terlebih dahulu ((telah))

terkembang pada jiwa bapanya.”

Pakailah satu sahaja: sama ada ((sudah)) atau

((telah)). Jangan kedua-duanya sekali, jadi berulang-ulanglah.

(21) “Ia menyatakan bahawa ia ((tidak nampak

⁵ Nuktah tidak terdapat di dalam teks asal. Ditambah berdasarkan kesesuaian konteks ayat.

sesuatu sebab pun)) maka pergaduhan mesti berlaku.”

((Tidak nampak suatu sebab)) itu bukan sosok

Melayu, tetapi betul-betul menurut sosok Inggeris,

iaitu ((*don't see any reason*)). Sudah tentulah

canggung pada telinga Melayu, berdenting-denting bunyinya.

Tulislah lebih kurang begini:

“Ia menyatakan bahawa ia tidak tahu mengapa maka pergaduhan mesti berlaku.”

(22) “Saya ((tidak nampak kenapa)) awak tidak boleh buat pekerjaan ini.”

Yang ini pun sejenis juga kesalahan yang tersebut tadi iaitu terjemahan daripada ((*I don't see why*)).

Katakanlah:

“Tidak tahulah saya kenapa awak tidak boleh buat pekerjaan ini.”

(23) “((Dalam pada)) ia berura-ura hendak balik ke rumah itu ((sambil juga)) dibenamkannya tengkuknya bagi kali yang penghabisan”

((Dalam pada)) dengan ((sambil juga)) itu lebih kurang sama sahaja maknanya. Oleh sebab itu buangkanlah sahaja ((sambil juga)) itu.

(24) “((Apa)) yang mendukacitakan dan mengharukan perasaan ialah masih didapati amalan yang sesat, karut dan khurafat yang bertentangan dengan ajaran agama yang sebenarnya”

Buangkan perkataan ((apa)) itu, kerana yang demikian adalah mengikut gaya Inggeris.

(25) “Perkara itu ((telah)) dan ((sedang)) ditimbang lagi dengan halusnyanya.”

Ayat ini mengikut sosok dagang. Tulislah begini:

“Perkara itu telah ditimbang, bahkan datang sekarang pun masih ditimbang lagi dengan halusnyanya.”

Atau pun yang lebih baiknya:

“Perkara yang ditimbang dahulu itu sedang ditimbang lagi dengan halusnyanya.”

Atau sekurang-kurangnya:

“Perkara itu sedang ditimbang lagi dengan halusnyanya.”

Yang akhir sekali itu hanya dimasukkan ((sedang)) sahaja kerana perkataan itu sudah menerangkan bahawa perkara itu telah ditimbang, hingga kepada masa ini pun masih ditimbang lagi.

(26) “((Oleh kerana)) perkahwinan di sisi Sharak ialah ((satu-satunya)) perkara yang penting, ((yang demikian)) sebelumnya satu-satu perkahwinan dilangsungkan adalah diberati supaya tiap-tiap pihak mengambil perhatian yang teliti kerana perkahwinanlah ((menjadi)) punca perkembangan titisan umat manusia di alam ini.”

- (Suara Jabatan Agama Terengganu, bilangan 15)

(A) Perkataan ((satu-satunya)) itu ialah gaya Indonesia. Kita Melayu Semenanjung mengatakan ((satu daripada)).

(B) Kalau memakai ((oleh kerana)), buanglah ((yang demikian)) itu.

(C) Perkataan ((menjadi)) itu tidak mustahak dimasukkan.

Walhasilnya tulislah begini:

“Oleh kerana perkahwinan di sisi Sharak ialah satu daripada perkara-perkara yang penting, maka sebelumnya satu-satu perkahwinan itu dilangsungkan, hendaklah diberati supaya tiap-tiap pihak mengambil perhatian yang teliti, kerana

perkahwinanlah punca perkembangan umat Islam di alam ini.”

(27) “Cerpen ini berbau ((romantism)), tetapi suasananya penuh ((fantasi-fantasi)) yang mengingatkan kepada buku Putera Gunung Tahan ((yang memang oleh Ishak pada mulanya)) dipersembahkan sebagai cerpen panjang.”

- (Dewan Bahasa, August 1961)

Kesalahannya: Ayat ini berkacau. Jauhilah daripada memakai perkataan-perkataan dagang itu. Lebih baik dipecahkan ayat ini jadi dua, dan bubuhlah noktah selepas perkataan ((Gunung Tahan)). Mulakan ayat yang kedua seperti berikut:

“Adapun buku itu pada mulanya telah dipersembahkan oleh Ishak sebagai cerpen panjang.”

(28) “((Pula)) ((di samping itu)) majalah dan surat khabar mendokong ((fungsi-fungsi)) lain yang amat penting.”

Memulakan ayat dengan ((pula)) itu sangat besar kesalahannya.

Tulislah begini:

“Tambahan pula majalah dan surat khabar mendokong tugas-tugas lain yang amat penting.”

(29) Mereka berpindah ke Singapura ((di mana)) Anwar menunjukkan belangnya lagi.”

Memakai perkataan ((di mana)) menjadi penghubung kalimat itu bukan cara Melayu.

Tulislah:

“Mereka berpindah ke Singapura, di situlah Anwar menunjukkan belangnya lagi.”

(30) “Jeneral Taylor telah berunding dengan *President*

malam tadi selepas kembali dari Asia Tenggara,

((di mana)) dia telah membuat pengajian yang cermat bagi pihak diri *President Kennedy* mengenai cara-cara . . .”

Tukarkan ayat itu jadi begini:

“Jeneral Taylor telah berunding dengan *President* malam tadi selepas kembali dari Asia Tenggara, tempat dia membuat pengajian yang cermat bagi pihak diri *President Kennedy* mengenai cara-cara”

Perhatikan ((di mana)) itu telah digantikan dengan ((tempat)).

Selain daripada itu ((tempat)) boleh digunakan bagi orang, misalnya di dalam ayat:

“Kalau hutang tidak dibayar nescaya kita bergaduh dan berkelahi dengan orang ((tempat)) kita berhutang itu.”

“Aku tiada ((tempat)) hendak bermanja. Ibu dan bapa sudah tiada.”

“Adapun akan raja itu, Orang Besar-besarnya ((tempat)) ia berlawan bicara. “

“Di dalam Bahasa Melayu ((di mana)) tidak boleh digunakan bagi menghubungkan dua rangkaian kata, tetapi hanya dapat digunakan di dalam:

(A) Soalan, misalnya:

“Mana terompahku?”

(B) Atau di dalam ayat-ayat seperti ini:

“Barang di mana ada kemahuan di situ ada jalan.”

“Saya tiada tahu di mana tempatnya.”

Bersambung